

# 'Segera wartakan tanah rizab Orang Asli'

BH. 25/11/2017, ms. 13

→ Ismail Sabri muh kerajaan negeri percepat proses selepas ukur tanah

Oleh Rohaniza Idris dan Ahmad Suhael Adnan  
bhnews@bh.com.my

■ Kuala Lumpur

**H**anya 32,000 hektar dari pada 134,513 hektar tanah rizab Orang Asli sudah diwarta dengan 1,800 orang diberikan geran persendirian.

Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Seri Ismail Sabri Yaacob, berkata setakat September lalu, tanah seluas 74,629

hektar yang sudah diukur kementerian diserahkan kepada kerajaan negeri untuk diwartakan.

Katanya, tanah seluas 20,000 hektar lagi sudah diluluskan kerajaan negeri tapi belum diwartakan.

#### Tanah sudah diukur

"Saya harap kerajaan negeri mempercepatkan proses kelulusan dan pewartaan tanah itu sebab proses mengukur sudah pun selesai awal tahun ini," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melancarkan Karnival Orang Asli 2017 di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC), di sini, semalam.

Yang turut hadir, Ketua Setiausaha Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Borhan Dolah dan Ketua Pengarah Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA), Mohd Jamalludin Kasbi.

Karnival itu yang buat pertama



Ismail Sabri melancarkan buku Orang Seletar pada majlis perasmian Karnival Orang Asli 2017 di PWTC, Kuala Lumpur, semalam.

#### Fakta nombor

32,000 HEKTAR

tanah rizab Orang Asli sudah diwartakan

1,800 ORANG

sudah diberikan geran persendirian

kali dianjurkan berlangsung mulai semalam hingga Ahad di ruang legar PWTC.

Ismail Sabri berkata, beliau berpuas hati dengan kesungguhan beberapa negeri untuk menyelesaikan isu mewartakan tanah rizab Orang Asli.

Katanya, kerajaan Perak dan Pahang begitu komited dengan mewujudkan pasukan tindakan khas untuk menyelesaikan tanah rizab Orang Asli, malah ada wakil JAKOA diletakkan di Jabatan Tanah dan Daerah untuk membantu mempercepatkan proses pemberian geran tanah.

"Setakat ini, 100 peratus tanah rizab Orang Asli di Negeri Sembilan sudah diwartakan kerana ia membabitkan keluasan yang sikit.

"Seperti di Perak dan Pahang, jumlah tanah rizabnya lebih luas dengan jumlah pemilik yang ramai, begitu juga di Kelantan dan Selangor," katanya.

#### Elak timbul pertikaian

Terdahulu dalam ucapannya, Ismail Sabri berkata, hanya dua kampung Orang Asli tidak memberikan kerjasama untuk kementerian mengukur tanah mereka untuk diwartakan sebagai tanah rizab.

Katanya, dua kampung itu 'termakan' hasutan pembangkang dan aktivis masyarakat Orang Asli, yang menghasut supaya tidak membenarkan kerajaan mengukur tanah mereka.

"Kerajaan mengukur tanah rizab itu bagi membolehkan Orang Asli memiliki geran tanah supaya tidak timbul pertikaian jika ada pihak membuat tuntutan ke atas tanah berkenaan."

"Kerajaan bukan ada agenda lain. Kita mahu Orang Asli ada hak pada tanah mereka sendiri dan mana-mana pihak tidak sewenang-wenangnya memajukan tanah mereka. Itu saja," katanya.